

Firma penyiasatan dedah berjaya kesan 400 sijil universiti dipalsukan tahun ini Sindiket palsukan sijil semua IPT

Oleh MOHD. HAFIZI AHMAD

SUBANG JAYA – Sebuah firma penyiasatan penipuan dalam pekerjaan mendedahkan hampir semua sijil pengajian yang dikeluarkan oleh institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini pernah dipalsukan bagi digunakan untuk memohon pekerjaan.

Pengarah Urusan Verity Intelligence Sdn. Bhd., Mark Leow berkata, pihaknya telah mengesan lebih 400 sijil pengajian palsu dalam proses saringan ke atas 100,000 pemohon pekerjaan sepanjang tahun ini sahaja.

Beliau berkata, lebih 70 peratus daripada sijil pengajian palsu itu menggunakan sijil yang dikeluarkan oleh pusat pengajian tempatan, manakala selebihnya menggunakan nama universiti dari luar negara.

“Selain Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Kolej Universiti SEGi (SEGi), banyak lagi sijil pengajian universiti lain yang telah dipalsukan berjaya dikesan seperti Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Taylor.

“Kami telah menemui ratusan sijil palsu sejak 2010 lagi.

“Kebanyakan sijil yang dipalsukan adalah daripada universiti awam dan terkenal.

“Sijil dari luar negara pula biasanya menggunakan universiti yang tidak pernah wujud,” katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sini Khamis lalu.

Mengulas lanjut, Mark

Sindiket jual ijazah palsu universiti tempatan

Lebih 5,000 sijil palsu UiTM, Kolej SEGi berharga serendah RM1,000 dijual sejak 2011

KERATAN *Kosmo!* 2 Oktober 2017.

berkata, penggunaan sijil pengajian palsu dalam sektor pekerjaan bukan hanya melibatkan jawatan bawahan, malah turut melibatkan peringkat tertinggi dengan gaji mencecah puluhan ribu ringgit.

Selain itu, Mark berkata, kira-kira 50 peratus daripada 100,000 pemohon yang disaring oleh Verity Intelligence juga didapati menipu dan tidak jujur mengenai maklumat mereka dalam resume.

“Terdapat satu kes seorang doktor di sebuah hospital swasta yang menggunakan doktor falsafah palsu. Dia telah bekerja lebih dua tahun di hospital terbabit dan hanya diketahui oleh majikan setelah disaring oleh kami kerana kualiti kerjanya yang teruk.


“Pengguna sijil palsu tidak mengira gender, bangsa atau latar belakang pendidikan. Ada yang menggunakannya dan telah diterima bekerja. Ia satu kerugian kepada majikan kerana menanggung risiko yang besar mengupah pekerja tidak mahir,” ujarnya.

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris, Prof. Datuk Mohammad Shatar Sabran berkata, kewujudan sijil pengajian palsu sudah diketahui oleh kebanyakan universiti awam di negara ini.

“Isu sijil pengajian palsu ini



MARK (kiri) bersama kakitangan sedang memeriksa ketulenan sijil pengajian yang dihantar untuk saringan oleh majikan di pejabatnya di Subang Jaya Khamis lalu.



KOSMO! minggu lalu membongkar kegiatan satu sindiket mengeluarkan sijil ijazah palsu dua buah universiti iaitu UiTM dan SEGi.

Ekklusif



SHAMSUL AMRI



SHATAR



INDIVIDU yang membeli ijazah palsu boleh memperoleh sijil mereka hanya dalam tempoh satu hari, sedangkan mahasiswa di IPT terpaksa menghabiskan masa antara tiga hingga empat tahun di kampus.

turut menghantui institusi pendidikan di luar negara, ia telah berlaku sejak 20 atau 30 tahun lalu hingga menyebabkan kekeliruan dalam masyarakat untuk membezakan ketulenannya.

“Semua Naib Canselor universiti awam di negara ini sudah mengetahuinya termasuklah Majlis Profesor Negara. Perkara ini dalam perbincangan untuk tindakan lanjut,” katanya.

Bagi Timbalan Pengerusi

Majlis Profesor Negara, Prof. Ulung Datuk Shamsul Amri Baharuddin, setiap universiti perlu mewujudkan sistem secara online yang boleh pihak luar menyemak ketulenan graduan mereka.

“Kalau ada sistem semakan online, sindiket pun takut untuk mengeluarkan sijil palsu,” katanya.

Lihat Laporan Khas di muka 21, 22 dan 23.

INFO Sijil Pengajian Palsu

- Lebih 400 sijil pengajian palsu dikesan Verity Intelligence setakat tahun ini sahaja
- Lebih 70 peratus membabitkan universiti tempatan, manakala 20 peratus lagi universiti luar negara dan tidak pernah wujud
- Antara sijil pengajian universiti yang dipalsukan ialah Universiti Teknologi Mara, Kolej Universiti SEGi, Universiti Taylor, Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman, Universiti Tunku Abdul Rahman dan Kolej Universiti KDU
- Pemalsuan sijil turut melibatkan suntungan keputusan peperiksaan supaya lebih cemerlang
- Sijil palsu melibatkan pengajian peringkat Sijil Pelajaran Malaysia, diploma, ijazah sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah
- Kebanyakan sijil palsu digunakan untuk memohon jawatan rendah, namun kes melibatkan jawatan tertinggi tetap ada

INFO Antara kes dikesan Verity Intelligence

- Seorang doktor telah bekerja dua tahun di sebuah hospital swasta menggunakan sijil doktor falsafah palsu
- Seorang wanita menggunakan ijazah sarjana palsu dari luar negara untuk kenaikan pangkat di sebuah bank terkemuka
- Seorang lelaki meletakkan nombor telefon rakan sebagai rujukan majikan terdahulu untuk memohon kerja

Ijazah ‘celup’ parasit dalam masyarakat

KUALA LUMPUR – Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) perlu memandang serius isu penggunaan sijil pengajian palsu di negara ini yang digunakan untuk memohon pekerjaan sebelum ia menjadi parasit yang boleh merosakkan masyarakat.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Zambri Mohd. Isa berkata, penggunaan sijil palsu tersebut memberi kesan besar kepada masyarakat kerana negara memiliki modal insan atau tenaga kerja yang tidak berkualiti.

Beliau berkata, perkara itu juga boleh



ZAMBRI



UZAIR

memberi kesan kepada graduan di negara ini kerana terpaksa bersaing dengan mahasiswa palsu yang tidak pernah melanjutkan pengajian di peringkat tinggi tetapi memiliki sijil yang sama.

“Penggunaan ijazah atau sijil palsu bukan perkara yang harus dipandang ringan kerana ia boleh merosakkan masyarakat. Bayangkan jika seorang doktor atau guru mendapat kerja dengan ijazah palsu?”

“Apa akan terjadi kepada negara jika kita mempunyai tenaga kerja yang tidak mahir?” katanya ketika dihubungi *Kosmo!*

semalam.

Sementara itu, bekas Naib Yang Dipertua Majlis Perwakil Pelajar, Universiti Sains Malaysia, Mohd. Uzair Ahmad berkata, penggunaan sijil pengajian palsu merupakan satu pengkhianatan terhadap pelajar universiti yang sedang bertungkus-lumus menamatkan pengajian masing-masing.

“Bayangkan kami semua pelajar universiti menghabiskan masa selama empat tahun bagi menggenggam segulung ijazah, tetapi ada pihak lain yang menggunakan sijil palsu untuk mendapatkan kerja.

“Sudahlah terpaksa berkorban masa belajar di menara gading, bila tamat belajar terpaksa pula bersaing dengan graduan palsu. Itu satu perkara yang tidak boleh diterima langsung,” ujarnya.

Info Solat		9 OKTOBER 2017 19 MUHARAM 1439H				
	SUBUH	SYURUK	ZUHR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
K. LUMPUR	5:43	6:58	1:03	4:17	7:04	8:13
SHAH ALAM	5:43	6:58	1:03	4:17	7:04	8:13
SEREMBAN	5:41	6:57	1:02	4:14	7:03	8:12
MELAKA	5:40	6:57	1:01	4:13	7:02	8:11
JOHOR BAHRU	5:34	6:50	12:55	4:06	6:56	8:05
IPOH	5:46	7:00	1:06	4:20	7:06	8:15
P. PINANG	5:49	7:03	1:08	4:23	7:08	8:17
ALOR SETAR	5:49	7:03	1:08	4:24	7:07	8:17
K. TERENGGANU	5:37	6:54	12:57	4:12	6:57	8:06
KOTA BHARU	5:46	6:58	1:01	4:17	7:01	8:06
KUANTAN	5:36	6:50	12:56	4:09	6:59	8:06
KANGAR	5:49	7:05	1:08	4:24	7:08	8:17
TAWAU	4:39	5:55	11:59	3:13	5:59	7:08
KOTA KINABALU	4:46	6:02	12:05	3:21	6:05	7:14
KUCHING	5:09	6:21	12:30	3:42	6:31	7:40
MIRI	4:54	6:06	12:14	3:28	6:14	7:24

*Kawasan-kawasan sewaktu dengannya